

# Pupuk kesedaran jaga kebersihan kawasan pantai

KESUWA-KAL adakan Island Cleaning Explorace 2024 sempena Hari Alam Sekitar Sedunia  
UB 25.06.2024 P.06

**LABUAN:** Persatuan Mahasiswa Fakulti Komputeran dan Informatik Kampus Antarabangsa Labuan (PMFKI-KAL) Sesi 2023/2024 dan Kelab Sukarelawan Siswa UMSKAL (KESUWA-KAL) Sesi 2023/2024 mengadakan program kebersihan pantai di sini, Ahad lalu.

Ia dijayakan dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar, Perbadanan Labuan dan Jabatan Belia dan Sukan.

Program Island Cleaning Explorace (ICE) 2024 itu diadakan di Kawasan Pantai Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) di sini.

Sebanyak empat kumpulan yang ahlinya terdiri daripada gabungan mahasiswa UMSKAL, Rakan Alam Sekitar dan Rakan Muda menyertai program itu.

Program bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menjaga kebersihan kawasan pantai dan persekitaran marin di W.P Labuan.

Di samping membina hubungan baik antara mahasiswa UMSKAL dengan agensi terlibat serta warga W.P Labuan dalam satu program yang bermanfaat.

Program dirasmikan oleh Pengarah Jabatan Alam Sekitar W.P Labuan, Zuldfazli Zakaria.

Dalam ucapannya, beliau menekankan kepentingan menjaga kelestarian alam sekitar sebagai tanggungjawab bersama.

Beliau mengingatkan peserta bahawa kebersihan pantai dan persekitaran marin bukan sahaja penting untuk ekosistem tetapi juga untuk kesejahteraan masyarakat.



**KOMITMEN:** Zuldfazli (tengah) dan tetamu bersama Ahli Jawatankuasa Program dan Peserta Program ICE.



**HEBAT:** Johan Program Island Cleaning Explorace 2024, Kumpulan 2, iaitu Gunung Santubong menerima hadiah daripada Zuldfazli sambil disaksikan Dr. Mohamad Fadli (empat kaan) dan Dg Senandong (tiga kanan).

akat setempat.

Zuldfazli juga berkongsi tentang inisiatif Jabatan Alam Sekitar dalam memelihara alam sekitar dan menyeru semua pihak untuk bekerjasama dalam usaha ini.

Beliau menutup ucapannya dengan slogan, "Alam Sekitar, Tanggungjawab Kita."

Antara aktiviti diadakan ialah sorakan unik kumpulan masing-masing, kaset rosak dan Pengumuman Perkhidmatan Awam (PPA).

Bagi aktiviti PPA, setiap kumpulan diminta untuk menghasilkan video bermakna Kesedaran Kepentingan Menjaga Alam Sekitar.

Video PPA itu kemudian dimuat naik dan dikongsi di media sosial peserta untuk capaian umum.

Kesemua peserta telah memberikan komitmen penuh dalam menjalankan semua aktiviti yang dilaksanakan.

Pada akhir program, Kumpulan 2, iaitu Gunung Santubong, dinobatkan sebagai johan bagi aktiviti yang dijalankan.

Naib johan pula dimenangi oleh Kumpulan 1, Gunung Tahan 2 dan tempat ketiga jatuh kepada Kumpulan 3, Gunung Tahan.

Turut hadir Penyelaras

Hal Ehwal Pelajar (HEP) FKI, Dr. Mohamad Fadli Asli yang mewakili Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI), UMS, Profesor Madya Ts. Dr Mohd Hanafi Ahmad Hijazi dan Pegawai Kawalan Alam Sekitar, Nurul Asikin Mohd Yusof @ Daud,

Hadir sama Penolong Pengarah Kanan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Perbadanan Labuan, Hasmizulizam Hamidon, Penolong Pengarah Jabatan Belia dan Sukan W.P Labuan, Tracy Tumay Rigar dan Penyelaras Program ICE UMSKAL, Dg Senandong Ajor.